

04/03/2002

Kesudian rakyat jayakan usaha kerajaan dihargai

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan menghargai sikap rakyat yang sentiasa memberi sokongan padu dan sanggup bermuafakat kepada semua usaha yang dirancang kerajaan bagi kebaikan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sikap bermuafakat itu membolehkan negara capai kejayaan dalam apa saja perkara yang diusahakan kerajaan, termasuk kempen menanam pokok secara serentak yang memecahkan rekod dunia pada 15 Oktober tahun 2000.

"Kempen ini berjaya hingga kita dapat masuk Guinness World Records kerana dapat menanam 110,461 batang pokok dalam masa satu minit. Ini menunjuk bahawa apabila kita bermuafakat tidak ada yang kita tidak boleh buat.

"Walaupun penanaman lebih 110,000 pokok itu jika diusahakan secara biasa akan mengambil masa yang panjang tetapi kerana kita berganding bahu menyertai satu usaha, kita mampu melakukannya dalam satu minit saja.

"Syabas kepada rakyat Malaysia yang selalunya menyambut desakan kerajaan supaya membuat sesuatu untuk kebaikan negara kita", "katanya merasmikan Hari Landskap Negara 2002, di Esplanade KLCC di sini petang ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Datuk Ismail Ngah.

Pada majlis itu Dr Mahathir turut menerima sijil Guinness World Records daripada Pengarah Urusan Malaysia Book of Records, Danny Ooi, serta menyampaikan Sijil Penghargaan Landskap Negara dan hadiah Pertandingan Landskap Peringkat Kebangsaan Tahun 2001.

Dr Mahathir berkata, kejayaan kempen menanam pokok itu bukan saja mengharumkan nama negara, malah mewujudkan budaya pemuliharaan alam persekitaran bagi menjadikannya lebih indah, sekali gus memberikan kehidupan lebih bahagia dan sejahtera kepada rakyat.

Katanya, persekitaran yang indah secara tidak langsung menjadikan rakyat lebih prihatin terhadap kebersihan dan tidak mengotorkan tempat awam.

"Kalau dulu pemaju suka meratakan tanah hingga hilang bukit dan tinggal tanah rata yang tidak menarik, kesedaran betapa perlunya landskap untuk indahkan pembangunan, hari ini rata-rata ada usaha mengindahkan kawasan yang dibangunkan rakyat, pihak swasta dan kerajaan.

"Kita lihat bukan saja di Kuala Lumpur, tetapi di bandar seluruh negara serta kampung terpencil pun semua berusaha mengadakan landskap supaya keadaan menjadi lebih indah lagi. Ini menjadikan kehidupan kita lebih bahagia dan sejahtera", "katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan pemaju perumahan supaya menyediakan taman rekreasi yang bukan saja untuk penduduk beriadah, malah memberi manfaat kepada semua pihak dan menguntungkan pemaju perumahan sendiri.

"Dengan taman yang indah dan landskap yang menarik, nilai perumahan akan bertambah dan menguntungkan semua pihak", "katanya.

Dr Mahathir berkata, pembangunan juga tidak menarik tanpa persekitaran atau taman rekreasi menarik yang boleh dimanfaatkan rakyat.

Sambil merujuk persekitaran KLCC yang separuh daripadanya dikhasakan untuk pembinaan taman, Perdana Menteri berkata pembangunan seperti itu tidak merugikan, tetapi memberi banyak manfaat.

"Ramai pelawat asing ke Malaysia kagum dengan keindahan negara kita kerana kita berjaya dalam bidang landskap", "katanya sambil menambah

bidang landskap di Malaysia membuka peluang perniagaan baru yang menguntungkan.

(END)